

Headline **UPM laksana penyelidikan air**
 Date **07. Jun 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **29**
 Section **Nasional** Article Size **439** cm2
 Circulation **217920** Frequency **Daily**
 Readership **2083000** Color **Full Color**



UPM laksana penyelidikan air

Puncak Niaga Holdings akan bekerjasama laksana empat projek dengan kos RM1.5j

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Puncak Research Centre Sdn Bhd (PRCSB), iaitu anak syarikat milik penuh Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB), semalam menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan berteraskan air. Melalui perjanjian itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama melaksanakan projek seperti pelan keselamatan air, pembersihan air, pengedaran air dan sisa kumbahan.

UPM diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, manakala PRCSB oleh Pengarah Eksekutifnya, Tengku Datuk Rahimah Sultan Mahmud, pada majlis menandatangani perjanjian itu yang

disaksikan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut hadir Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron; Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Ramlı Mahmud; Pro Canselor UPM, Tan Sri Dr Nayan Ariffin dan Tan Sri Lim Ah Lek; Pro Canselor UPM dan Pengerusi Eksekutif PNHB, Tan Sri Rozali Ismail serta Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain.

Dr Nik Mustapha berkata, MoA itu adalah satu usaha untuk memantapkan program pembangunan dan penyelidikan (R&D), memperkasa pengetahuan dan kemahiran pelajar serta staf melalui program latihan.

Katanya, empat projek penyelidikan yang sudah dikenal pasti berhubung pelan keselamatan air, pembersihan air, pengedaran air dan sisa kumbahan dianggarkan membabitkan kos RM1.5 juta.

"Kerjasama kedua-dua pihak ini akan dapat meningkatkan daya saing dan kompetitif produk yang dihasilkan pihak industri, manakala di pihak universiti pula akan dapat menambah daya inovasi, kreativiti serta pembangunan intelektual modal insan yang dilatih dan dikeluarkan oleh universiti," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Katanya, dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan yang kompetitif masa kini, inovasi berasaskan pengetahuan mempunyai potensi yang tiada had untuk diteroka secara bersama oleh universiti dan industri

bagi mencapai matlamat dan kejayaan dalam bidang kepakaran masing-masing.

Bagi UPM, katanya, perkongsian pengalaman dan pengetahuan dengan pihak industri seperti PRCSB akan memberi impak yang berganda terutama apabila pengetahuan baru yang dijana secara bersama dapat

dimanfaatkan serta dikongsi oleh pelajar dan penyelidikan universiti.

Pengarah Urusan PNHB, Datuk Matlisa Hitam, pula berkata perjanjian itu adalah langkah utama ke arah meningkatkan lagi keupayaan syarikat menerajui bidang rawatan air.

Beliau berkata, UPM akan menyediakan kemudahan R&D seperti ke-

mudahan makmal, latihan kepada kakitangan PRCSB, manakala PRCSB akan menempatkan pelajar UPM untuk latihan industri.

Katanya, PNHB mahu memastikan projek air diurus dengan baik dengan menggunakan aplikasi teknologi bagi mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti air.

Kerjasama kedua-dua pihak ini akan dapat meningkatkan daya saing dan kompetitif produk yang dihasilkan pihak industri"

Dr Nik Mustapha R Abdullah
Naib Canselor UPM



KERJASAMA ERAT: Dr Nik Mustapha bertukar dokumen dengan Tengku Datuk Rahimah sambil disaksikan Sultan Sharafuddin dan Rozali (kanan) pada majlis menandatangani memorandum perjanjian antara UPM dan Puncak Research Centre Sdn Bhd (PRCSB) di Kuala Lumpur, semalam.